



Ruj. Kami : JANM.BWTD.500-3/5/4 Jld. 6 (2 )  
Tarikh : 15 Julai 2019

Tuan/Puan,

**IKLAN JAWATAN KOSONG PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH) BAGI JAWATAN GRED SETARA 29 DI JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**

Permohonan-permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan kosong di Jabatan Akauntan Negara Malaysia.

1. (a) **JAWATAN** : Pekerja Sambilan Harian
- (b) **TARAF JAWATAN** : Sambilan
- (c) **AGENSI** : Jabatan Akauntan Negara Malaysia
- (d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Sokongan
- (e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Perkhidmatan Sokongan
- (f) **TEMPAT KEKOSONGAN** : Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut, JANM, Menara Maybank, Kuala Lumpur.
2. **KADAR UPAH PEKERJA SAMBILAN HARIAN** : RM72.00 sehari
3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
  - a. warganegara Malaysia ;
  - b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

- c. Diploma dalam bidang sains computer yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- d. Lulus Bahasa Malaysia (termasuk Ujian Lisan) Pada peringkat Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

- 4. CARA MEMOHON :**
- (a) Permohonan hendaklah menggunakan borang khas JANM(K) 1/2008 yang boleh diperolehi di Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia.
  - (b) Isi borang JANM(K) 1/2008 dengan lengkap setelah meneliti panduan dalam borang berkenaan. Permohonan yang menggunakan borang selain dari JANM(K) 1/2008 akan ditolak.
  - (c) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil persekolahan, salinan surat beranak dan lain-lain dokumen berkaitan, yang telah disahkan.
  - (d) Permohonan berikut **AKAN DITOLAK** :
    - (i) tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan;
    - (ii) tidak lengkap atau tidak terang;
    - (iii) tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
    - (iv) tidak ditulis nombor kad pengenalan;
    - (v) tidak diturunkan tanda tangan.

**5. ALAMAT PERMOHONAN :** Borang permohonan yang lengkap dihantar ke alamat :

Jabatan Akauntan Negara Malaysia,  
Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut,  
Tingkat 42, Menara Maybank,  
100 Jalan Tun Perak,  
**50050 KUALA LUMPUR**

**6. TARIKH TUTUP :** **21 Julai 2019**

- 7. CATATAN AM :**
- (i) Hanya calon-calon yang layak berdasarkan asas tapisan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia sahaja dipanggil temuduga.
  - (ii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas ***enam (6) bulan*** dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
  - (iii) Jabatan ini tidak akan menanggung perbelanjaan bagi menghadiri temuduga kelak.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**‘Membudayakan Inovasi Memperkasakan Perakaunan Akruan’**

**(AYUB BIN ZADIN C.A. (M))**

Timbalan Pengarah (Operasi)  
Bahagian Pengurusan Wang Tak Dituntut  
b.p. Akauntan Negara Malaysia.